

14 NOV 1998

BERNAMA LANCAR KHIDMAT BERITA AUDIO VISUAL

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Pertubuhan Berita Nasional Malaysia, Bernama, telah memulakan perkhidmatan berita audio visual sebagai tambahan kepada perkhidmatan berita cetaknya yang berada di pasaran sejak 30 tahun lalu.

Item berita visual pertama Bernama ialah satu temubual eksklusif dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena sidang kemuncak Apec yang bermula di sini minggu ini.

Rakaman temubual itu dibekalkan kepada kesemua lima stesen televisyen tempatan dan juga rangkaian tv asing untuk siaran dalam buletin berita mereka atau sebagai program khas hari ini.

Dengan terlancarnya perkhidmatan baru itu, Bernama mengikuti jejak langkah agensi-agensi berita antarabangsa seperti Reuters dan Associated Press (AP) yang memperkenalkan perkhidmatan berita tv sebagai nilai tokok kepada perkhidmatan berita konvensional mereka.

"Ini satu peristiwa penting bagi kami," kata Pemangku Pengurus Besar dan Ketua Pengarang Bernama Syed Jamil Jaafar hari ini.

Katanya adalah wajar bagi Bernama memasuki bidang penerbitan berita audio visual memandangkan pasaran berita cetak adalah terhad sementara pasaran bagi sektor media elektronik semakin berkembang.

"Dengan adanya lima, dan tidak lama lagi enam, stesen tv tempatan, satu operator tv kabel dan satu operator tv satelit, adalah wajar Bernama menjadi pembekal item berita tv," kata beliau.

Lima stesen tv tempatan ialah RTM1, RTM2, TV3, Metrovision dan NTV7 sementara Mega TV merupakan operator tv kabel dan Astro operator tv satelit. Stesen tv IMT-GT di Langkawi kini dalam proses perlaksanaan.

Syed Jamil berkata Bernama pada peringkat awal akan mengeluarkan sehingga lima "footage" berita setiap hari dengan membawa tanda kredit "Bernama TV." Berita-berita itu akan dibekalkan kepada kesemua stesen tv tempatan dan beberapa stesen asing.

"Idea projek ini dicetuskan dua tahun lalu ketika kami meninjau pelbagai cara bagi menambah pendapatan Bernama," kata beliau.

Bernama ketika ini membekalkan berita cetak dan gambar kepada 50 akhbar, tujuh pelanggan media elektronik dan tujuh agensi berita asing.

Selain itu, Bernama mempunyai 3,000 pelanggan yang melanggan perkhidmatan harga pasaran saham tepat masa dan berita terkini menerusi komputer peribadi.

Bernama juga menawarkan pelbagai pakej berita dan maklumat menerusi Internet (www.bernama.com) selain perkhidmatan pangkalan data yang membekalkan laporan sektoral untuk pelabur, pengusaha, penganalisis dan penyelidik. -- Bernama

sj